

ALOR SETAR, 28 FEB. (BERNAMA) — PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (LKWK) DIWUJUDKAN UNTUK MEMBANTU JENTERA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG ADA SEKARANG DI KEDAH.

LEMBAGA ITU AKAN MEMUSATKAN SISTEM-SISTEM PERANCANGAN, PENGAWALAN BELANJAWAN, PENGESANAN DAN PENELITIAN TENTANG KEPERLUAN DAYA TENAGA DI KALANGAN SEMUA AGENSI-AGENSI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI PERINGKAT NEGERI.

BELIAU BERUCAP MELANCARKAN PENUBUHAN LEMBAGA ITU DI WISMA NEGERI DI SINI HARI INI.

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA PRESTASI JENTERA PEMBANGUNAN DI KEDAH DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA (197-1980) PADA KESELURUHANYA TIDAK MEMUASKAN.

DATA-DATA MENUNJUKKAN PADA AKHIR TAHUN 1979 KEDAH HANYA MENGGUNAKAN 58 PERATUS SAHAJA DARI JUMLAH PERUNTUKAN DI BAWAH RANCANGAN TERSEBUT BERJUMLAH \$1.26 RIBU JUTA.

MENURUT BELIAU PRESTASI ITU ADALAH TERMASUK KE DALAM GOLONGAN NEGERI-NEGERI YANG MUNDUR.

DIANTARA SEBAB-SEBAB PRESTASI YANG BEGITU RENDAH IALAH KEKURANGAN PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL DAN MAHIR, TENAGA KONTRAK, KELEMBAPAN SUASANA PELABORAN, DAN PROSEDUR-PROSEDUR LAMA. — BERSAMBUNG

1803/LK

MAHATHIR 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SATU ASPEK KESULITAN JENTERA PELAKSANAAN SEKARANG IALAH PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PROFESIONAL DAN TEKNIKAL YANG BARU.

PENUBUHAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH BERTUJUAN MENGATASI MASALAH TERSEBUT DENGAN CARA PENGAMBILAN PEGAWAI-PEGAWAI PROFESIONAL DAN TEKNIKAL SECARA KONTRAK DARI LUAR NEGERI, KATANYA.

LEMBAGA ITU AKAN MEWUJUDKAN SATU SISTEM KOORDINASI PERANCANGAN DAN PENGESANAN PELAKSANAAN SEMUA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN OLEH JABATAN-JABATAN DAN AGENSI-AGENSI.

SISTEM ITU BUKAN UNTUK MENGGANTI ATAU MENGECILKAN PERANAN MASING-MASING, KATANYA. — BERSAMBUNG 1805/LK

MAHATHIR 3 ALOR SETAR

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERKATA DALAM SOAL PEMBANGUNAN RAKYAT AHLI-AHLI POLITIK DI PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN MESTI BEKERJASAMA DAN MENOLONG PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MELAKSANAKAN TUGAS MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SOAL-SOAL PERIBADI DAN KEDAERAHAN HARUS DIHAPUSKAN DAN SEMANGAT KERJASAMA DAN KERJA KERAS HENDAKLAH DIPERTINGKATKAN.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN HARUS BENAR-BENAR FAHAM ASPIRASI RAKYAT YANG DIBANGKITKAN OLEH WAKIL-WAKIL MEREKA DI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PARLIMEN, KATANYA.

MENYENTUH RANCANGAN PENGAIRAN MUDA BELIAU BERKATA MASYARAKAT DI WILAYAH MUDA TELAH DAN AKAN MENIKMATI KEMUDAHAN YANG MEMBANTU CARA-CARA PERTANIAN, PEMASARAN DAN PEMEROSAN HASIL-HASIL MEREKA.

KESANNYA, PARAS PENDAPATAN PETANI-PETANI DI KAWASAN MUDA BERTAMBAH ANTARA \$3,810-\$4,760 SETAHUN SEKELUARGA PADA TAHUN LALU BERBANDING DENGAN \$2,150-\$3,360 SEKELUARGA BAGI PETANI DAN PEKEBUN KECIL DI KAWASAN LUAR MUDA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KHUATIR JURANG PERBEZAAN ITU AKAN SEMAKIN BESAR SEKIRANYA SESUATU YANG AGAK RADIKAL TIDAK DIBUAT KEPADA JENTERA PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI KAWASAN LUAR MUDA. — BERSAMBUNG 1817/A1

B604

MAHATHIR 4 ALOR SETAR

MENTERI BESAR, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN YANG JUGA PENGE-  
RUSI LKWK BERKATA LKWK AKAN MENKAITKAN PEMBANGUNAN PERTANIAN  
DENGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI, PERDAGANGAN DAN PERKHIDMATAN  
DENGAN CARA SISTEMATIK.

SUMBER-SUMBER EKONOMI DARI MASYARAKAT TANI AKAN DILIBATKAN  
SUPAYA RAKYAT TANI DAPAT MEMULANGKAN BALIK NILAI-  
NILAI EKONOMI YANG BERTAMBAH DARI HASIL PENGELUARAN PERTANIAN  
MEREKA.

KATA BELIAU DI SAMPING ITU PELUANG-PELUANG PEKERJAAN AKAN  
BERTAMBAH YANG AKAN MEMBAWA MUNAFAAT KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI  
DAN SOSIAL NEGERI KEDAH.

LKWK AKAN MEMPERLUASKAN BIDANG-BIDANG INDUSTRI DAN PERDAGANGAN  
DI KAWASANNYA BAGI MENINGGIKAN LAGI DAYA PENGELUARAN DI SAMPING  
MERANCANG, MENYELARAS DAN MENJALANKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN  
BERSAMA-SAMA JABATAN-JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN MENGIKUT  
RENCANA-INDUK PEMBANGUNAN KAWASAN ITU. — BERSAMBUNG 1829/A1

MAHATHIR 5 ALOR SETAR

KATANYA, DENGAN PENUBUHAN LKWK, KERAJAAN PUSAT DAPAT MENYA-  
LURKAN SEGERA PERUNTUKAN YANG DIPERLUKAN BAGI MEMBANGUNKAN LEMBAH  
KEDAH DI SAMPING MENYELARASKAN FUNGSI JABATAN-JABATAN ATAU AGENSI  
KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM PEMBANGUNAN.

MENERUSI LKWK JUGA SATU PENDEKATAN YANG LEBIH TERSUSUN DAN  
SISTEMATIK DAPAT DIJALANKAN SECARA BERPADU SUPAYA PEMBANGUNAN  
KAWASAN LUAR MADA TIDAK MENGALAMI SEBARANG MASALAH SEPerti  
KEWANGAN DAN TENAGA. — BERNAMA 1831/A1